

MEMO BENDAHARI BIL 01/2023

No. Rujukan : UNISEL/PB/500/04/2023(01)
Tarikh : 2 November 2023
Kepada : Semua Staf Universiti Selangor
Daripada : Bendahari
Perkara : Penutupan Akaun Bagi Tahun 2023

Assalamualaikum wrt. wbt. & Salam Sejahtera,

Y.Bhg. Dato'/ Prof./Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

1.0 Tujuan

- 1.1 Memo ini bertujuan memaklumkan penutupan akaun bagi tahun 2023, Universiti Selangor (UNISEL).

2.0 Latar Belakang

- 2.1 Memo mengenai penutupan akaun ini dikeluarkan pada setiap tahun bagi memaklumkan tindakan yang perlu diambil oleh semua kakitangan Universiti berkaitan penetapan tarikh penghantaran dokumen-dokumen kewangan bagi proses penutupan akaun Universiti tahun 2023.
- 2.2 Bagi menambahbaik kualiti penyediaan akaun Universiti bagi tahun 2023, Dekan dan Ketua Jabatan serta semua staf yang terlibat hendaklah memberi kerjasama dengan mematuhi tarikh penghantaran dokumen yang telah ditetapkan.

3.0 Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian

- 3.1 Bagi semua **permohonan pembayaran, pendahuluan dan tuntutan (geran/program/aktiviti pelajar/panjar wang runcit/invois dan pelbagai)**, dokumen yang berkaitan hendaklah diserahkan **sebelum atau selewat-lewatnya pada 15 Disember 2023, jam 12.00 tengahari** bagi tujuan merekod perbelanjaan bagi tahun semasa. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pembayaran diproses bermula Januari 2024.
- 3.2 Semua **laporan pelarasan wang pendahuluan (pelbagai)** yang diterima bagi tahun semasa perlu diserahkan ke Pejabat Bendahari **sebelum atau selewat-lewatnya pada 15 Disember 2023 Tindakan pemotongan gaji bermula Januari 2024 akan dilaksanakan jika gagal terhadap pematuhan ini.**

- 3.3 Setiap **penerimaan barangan/kerja/perkhidmatan** melalui *purchase order* (PO) daripada pihak pembekal/kontraktor hendaklah diakui penerimaannya dan **direkodkan di Sistem SPK (Perolehan – Pendaftaran Penerimaan Barang)** sebelum atau **selewat-lewatnya pada 29 Disember 2023**.

Segala pertanyaan berkenaan perkara ini boleh berhubung terus dengan Puan Zanariah binti Baba di talian 03-55223557.

Sekian, terima kasih.

"PENERAJU TRANSFORMASI"

"MALAYSIA MADANI"

Yang menjalankan tugas,

SITI AISYAH BINTI OMAR C.A(M)

Bendahari

Universiti Selangor